

15/06/2001

Isu ambil alih Nanyang Press perlu penyelesaian segera

Azhar Abu Samah; Teh Kean Kiat

KEMELUT pengambilalihan Nanyang Press Holdings Bhd (Nanyang Press) oleh MCA melalui sayap pelaburannya, Huaren Holdings Sdn Bhd (Huaren), kini semakin melebarkan percanggahan pendapat antara pemimpin parti itu apabila Presidennya, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, meminta pemegang amanah Huaren yang tidak bersetuju dengan pembelian Nanyang Press meletakkan jawatan.

Keretakan mula kelihatan apabila 'roadshow' yang diketuai Timbalan Presiden MCA, Datuk Lim Ah Lek, untuk menjelaskan penentangan kumpulan lapan anggota Jawatankuasa Pusat (CC) MCA bagi pembelian itu yang diketuainya mendapat sokongan ahli akar umbi dan pemimpin MCA negeri.

Hakikatnya, MCA kini mengalami krisis kepemimpinan yang serius ibarat api dalam sekam dan penentangan terhadap pengambilalihan Nanyang Press adalah kemuncak kepada 'memendam rasa' pemimpin MCA yang tidak sebulu dengan Dr Ling.

Kemungkinan isu penentangan pembelian Nanyang Press akan diheret oleh kelompok tertentu dalam MCA sehingga pemilihan pucuk pimpinan parti itu, sekali gus kedudukan Dr Ling dan beberapa anak didiknya seperti kedua-dua Naib Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting dan Datuk Dr Fong Chan Onn, bakal tergugat jika isu ini terus dijaja bagi mencari sokongan masyarakat Cina.

Kini secara jelas sudah wujud kelompok yang bercanggah pendapat mengenai pengambilalihan itu, sekali gus ada kelompok menyokong dan menentang - masing-masing diketuai Dr Ling dan timbalannya, Lim.

Selain isu kepemimpinan Dr Ling yang ditimbulkan, kemelut pengambilalihan Nanyang Press juga sudah mengheret Bumiputera, selain mengaitkan Umno dan Perdana Menteri, dalam proses menguasai kepentingan dalam syarikat berkenaan.

Nama Umno dan Presidennya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, timbul di tengah-tengah kemelut itu kerana beliau dilihat seperti memberikan persetujuan terhadap tindakan MCA itu apabila menyifatkan pengambilalihan Nanyang Press daripada pegangan Pengerusi Eksekutif Kumpulan Hong Leong Bhd, Tan Sri Quek Leng Chan, sebagai urusan perniagaan.

Selain itu, Dr Fong menggunakan alasan utama mahu memastikan pemilikan ke atas dua penerbitan, Nanyang Siang Pau dan China Press - kedua-duanya dikuasai Nanyang Press - tidak jatuh ke tangan Bumiputera, yang pastinya hakikat itu tidak lagi dapat diterima oleh masyarakat Cina.

Sebelum itu, Biro Publisiti MCA yang diketuai bekas Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Wong See Wah, juga menegaskan 'sekumpulan ahli perniagaan yang dikuasai kaum lain', antaranya turut menyaingi Huaren untuk menguasai Nanyang Press.

Ini diikuti kenyataan penasihat Persekutuan Persatuan-Persatuan Cina Bintulu, Tiong King Sing, sebagaimana yang dilaporkan media, mahu masyarakat Cina menyokong tindakan pengambilalihan oleh Huaren itu.

Seperti kata Tiong yang juga Ahli Parlimen Bintulu: "Jika (MCA) tidak menguasai akhbar berkenaan, ia akan jatuh ke tangan yang salah, pemimpin MCA akan disalahkan selama-lamanya kerana tidak menghalangnya."

Walaupun tindakan mengheret sekumpulan ahli perniagaan atau Bumiputera mungkin boleh dipertikaikan kerana ia membabitkan soal dan urusan dalaman MCA, namun ia sesuai sebagai strategi politik, lebih-lebih lagi ketika ia amat memerlukan sokongan dalam menangani isu utama yang membabitkan kepentingan parti.

Dari segi sejarah, masyarakat Cina pasti tidak dapat melupakan nama Tan

Sri Wan Azmi Wan Hamzah yang menguasai 30.33 peratus saham Nanyang Press pada 1991, sekali gus mengejutkan seluruh rakyat Malaysia dan masyarakat Cina keseluruhannya.

Beliau yang ketika itu Pengerusi General Lumber Holdings Bhd, bagaimanapun menguasai saham itu hanya selama tujuh bulan apabila dibeli semula oleh Quek, sekali gus menyaksikan Wan Azmi membuat keuntungan kira-kira RM12.75 juta daripada penjualan saham Nanyang Press.

Mungkinkah pendekatan perniagaan Wan Azmi itu mahu dicontohi MCA berikutan kesediaan parti itu untuk menjual semula 72 peratus kepentingannya dalam Nanyang Press kepada pihak tempatan dan asing yang berminat seperti yang diumumkan Dr Ling?

Menurut sumber dalaman MCA, sejak beberapa tahun kebelakangan, Nanyang Siang Pau bukan saja tidak mengalami sebarang kemajuan, malah keuntungan yang diperolehi syarikat itu juga berkurangan dari setahun ke setahun sehingga menyebabkan Kumpulan Hong Leong Bhd kecewa dengan pentadbiran akhbar berkenaan.

Dakwaan kononnya Quek dipaksa menjual saham Nanyang Press kerana sebab-sebab tertentu adalah tidak benar kerana kumpulan itu sendiri yang tidak sabar menjual sahamnya sejak enam bulan lalu. Kumpulan Hong Leong dikatakan berniat menjual Nanyang Press sejak dua tahun lalu.

Menurut sumber itu, MCA melalui Huaren mengambil alih Nanyang Press bertujuan menyelamatkan Nanyang Siang Pau selain memberi manfaat kepada pemegang saham kecil dan memelihara kebajikan kakitangannya.

Selain itu, sejak beberapa tahun kebelakangan ini, sikap tidak `mesra' Nanyang Siang Pau dan China Press terhadap MCA amat jelas. Bagaimanapun, parti itu tidak berharap kedua-dua akhbar berkenaan menyanjung atau memburuk-burukkan MCA mahupun `mencantikkan' matlamat Pas untuk menjadikan Malaysia sebagai negara Islam.

Pada 28 Mei lalu, Huaren Management Sdn Bhd (HMSB) menandatangani perjanjian untuk membeli 41,840,902 saham biasa Nanyang daripada anak syarikat Kumpulan Hong Leong Bhd, Hume Industries (M) Bhd dan Hume Plastic Sdn Bhd. Urus niaga itu selesai pada 31 Mei lalu apabila semua saham biasa Nanyang Press dipindah kepada HMSB pada pertimbangan harga RM230.1 juta secara tunai.

Bagi pemerhati politik, pengambilalihan Nanyang Press sudah menyerlahkan masalah kepemimpinan dalaman MCA yang selama ini disembunyikan daripada pengetahuan umum. Mereka yang selama ini bertindak di belakang tabir dalam isu kepemimpinan MCA, mula menonjolkan diri masing-masing.

Yang pasti, kelapan-lapan penentang cadangan pengambilalihan itu kini menjadi `wira' yang disanjung masyarakat Cina kerana berani menyuarakan perasaan masing-masing.

Mereka adalah Lim, Naib Presiden, Datuk Chua Jui Meng dan Datuk Chan Kong Choy, Ketua Pemuda, Datuk Ong Tee Keat, Naib Ketua Wanita, Datuk Paduka Dr Tan Yee Kew, Datuk Fu Ah Kiow, Datuk Tang See Hang dan Datuk Wong Mook Leong.

Dr Ling mula berasa bahang `kemarahan', terutama daripada kalangan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang mewakili masyarakat Cina, apabila 245 pertubuhan Cina, termasuk Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCCIM), Persekutuan Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia, Gabungan Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Malaysia (Dong Jiao Zong) serta Dewan Perhimpunan Cina Selangor, menandatangani surat bantahan selain menubuhkan Jawatankuasa Menentang Pengambilalihan Nanyang Siang Pau dan China Press.

Di kem Lim dengan sokongan lapan ahli CC MCA, sokongan semakin memihak kepada mereka, baik oleh pemimpin peringkat pertengahan, mahupun akar umbi.

Bukan setakat pada peringkat parti itu, jambatan hubungan dengan

Gerakan, saingan utamanya dalam Barisan Nasional (BN), juga terjejas apabila MCA mendedahkan Gerakan turut berminat menguasai Nanyang Press selepas Presiden Gerakan, Datuk Dr Lim Keng Yaik, membidas MCA kerana meneruskan pengambilalihan Nanyang Press.

Menurut Dr Fong, Gerakan ada membuat tawaran untuk membeli saham Nanyang Siang Pau dan China Press pada harga RM6.50 seunit tetapi ditolak walaupun Dr Lim berpendapat Gerakan juga perlu menguasai akhbar sebagaimana MCA sudah pun menguasai The Star.

Malah, Gerakan juga mendakwa perlu diberikan peluang sama kerana liputan The Star ke atas kegiatan parti itu tidak menyeluruh dan laporan yang dibuat berat sebelah.

Hakikatnya, kemelut berhubung pengambilalihan Nanyang Press bukan mudah mahu dirungkai MCA kerana ia membabitkan sentimen orang Cina, apatah lagi ia mula dipolitikkan tanpa mengira pertimbangan sebenar, lebih-lebih lagi kekalutan ini memberi ruang kepada pembangkang untuk menanggung di air keruh.

Alasan kumpulan penentang, antaranya seperti proses pengambilalihan Nanyang Press dilakukan tidak telus, tiada perbincangan antara ahli CC, perniagaan tidak strategik dan Huaren tidak cukup wang dan terpaksa mencagarkan RM40 juta saham Nanyang Press dan RM68 juta saham The Star Publications (M) Bhd sudah pasti dapat menarik perhatian ahli MCA untuk menyokong bantahan mereka, selain dapat digunakan pembangkang sebagai modal politik yang berguna.

Sebaliknya, alasan kumpulan Dr Ling bahawa pengambilalihan itu menguntungkan berasaskan faktor perniagaan tidak dapat diterima, lebih-lebih lagi apabila lapan `orang kuat' MCA menentang kerana bagi mereka, akhbar perlu bebas mengeluarkan pendapat dan tidak dikongkong oleh parti politik. Mereka turut mengaitkan pengambilalihan itu boleh menjejaskan sokongan orang Cina kepada MCA pada pilihan raya umum akan datang.

Benarkah pengambilalihan kedua-dua akhbar itu oleh MCA bagi menyekat `suara pembangkang' yang dilaporkan akhbar berkenaan atau Dr Ling takut pelbagai laporan negatif mengenai MCA disiarkan, termasuk kritikan terhadap dirinya sendiri?

Hanya MCA yang boleh menjelaskan kedudukan sebenar dan sewajarnya parti itu diberikan segala ruang untuk mengatasinya.

Semakin lambat diselesaikan, semakin banyak timbul spekulasi mengenainya, lebih-lebih lagi membabitkan kepemimpinan tertinggi kerajaan kerana ketika ini segala yang berlaku di Malaysia semuanya menjadi perhatian media asing untuk disensasikan bagi menjayakan agenda tersembunyi mereka.

(END)